



TALKING POINTS

LAWATAN KERJA YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

SESI DIALOG BERSAMA DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DI WP LABUAN

8 JUN 2020 (ISNIN) / 7:30 MALAM

1. Sesi Dialog yang pertama bersama warga Dewan-dewan Perniagaan di Labuan bagi tahun 2020 ini.

2. Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, Kerajaan telah mengambil tindakan yang drastik dan pantas dalam menangani wabak COVID-19 ini. Alhamdulillah, syukur keadaan di Negara kita agak terkawal walaupun dari segi impak kepada ekonomi amat dirasai sekali. Maka, kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meringankan beban rakyat dalam meneruskan kelangsungan hidup.

3. Di peringkat nasional, Kerajaan telah memberikan bantuan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) 2020 yang bernilai sebanyak RM250 billion dengan berpandukan tiga (3) matlamat iaitu:

- i. Lindungi Rakyat;
- ii. Sokongan Perniagaan; dan
- iii. Perkukuh Ekonomi.

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM10 billion kepada penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi golongan B40 dan M40.

4. Selain itu, di peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Perbadanan Labuan (PL), beberapa bantuan tambahan Inisiatif Wilayah Cakna turut dilaksanakan untuk meringankan beban warga Labuan khususnya dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3.67 juta. Antaranya ialah:

BIL	JENIS PROGRAM	BILANGAN/ CATATAN	KOS(RM)
1.	PERUMAHAN AWAM		
	Pengecualian enam (6) bulan bayaran sewa perumahan awam milik PL (Mac sehingga Ogos 2020)	546 unit rumah	933,210.00
2.	PENJAJA DAN PENIAGA KECIL		
	a) Pengecualian enam (6) bulan sewa untuk premis niaga milik PL (Mac sehingga Ogos 2020)	774 penjaja	1,036,110.00
	b) Bantuan sara hidup RM500 secara <i>one-off</i>	1,300 orang	650,000.00
3.	ASNAF DAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH		
	Tambahan Kit Bantuan Makanan	1,200 orang	60,000.00
4.	PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA SERTA PERUSAHAAN MIKRO		
	30% diskaun diberi kepada 85 syarikat	108 lot tanah	987,292.82
	JUMLAH		3,666,612.82

6. Kekuatan ekonomi Labuan adalah disokong melalui sektor berkaitan minyak dan gas, perkhidmatan kewangan antarabangsa serta pelancongan juga turut terjejas disebabkan bencana global ini. Difahamkan, sebanyak 138 acara yang sepatutnya memeriahkan pengisian kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 (VM2020) di Labuan terpaksa dibatal dan ditangguhkan kerana kesan penularan pandemik ini.

7. Antara 4 projek pelaburan yang telah termeterai:
 - i. Projek BVO Premium Outlet
 - ii. Projek Bangunan Pejabat & Komersial
 - iii. Projek Skrin LED di Dataran Labuan
 - iv. Projek Taman Tema Air

Manakala 5 projek yang sedang dalam usaha untuk dimeterai ialah:

- i. Projek Bangunan Komersial dan hotel di bandar
- ii. Projek Bangunan Komersial di Teluk Victoria
- iii. Kilang Limbungan Kapal berkaitan aktiviti minyak dan gas
- iv. Projek Pelancongan Pulau Papan
- v. Projek Pembangunan Esplanade

Enam (6) projek dalam perancangan untuk ditenderkan iaitu:

- i. Projek Sunset Bar di Labuan International Golf Club (LIGC)
- ii. Pembangunan di Bekas Tapak Hotel Labuan
- iii. Pembangunan di Bekas Tapak Medan Selera
- iv. Pembangunan di tanah milik PL Lot 31288 Pertanian Kg Sg Bedaun
- v. Pembangunan Komersial di Jalan Dewan
- vi. Pembangunan di Tapak Bekas Pasar Lama

8. Kerajaan menyokong dasar keterbukaan untuk aktiviti perniagaan. Antara Potensi Pelaburan di Labuan meliputi:

- i. Aktiviti yang berdasarkan status Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai.
- ii. Pusat Kecemerlangan Pendidikan
- iii. Aktiviti berkaitan Pusat Kewangan Antarabangsa
- iv. Aktiviti berkaitan Pelancongan.

9. Justeru itu, pada malam ini, saya ingin mengajak Dato'/Tuan/Puan sekalian untuk bersama-sama membincangkan langkah-langkah (*the way forward*) yang boleh kita ambil untuk meransang dan memulihkan keadaan ekonomi kita semula.

Sekian, terima kasih.

